



SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEDUA (Q2 2025)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku kedua 2025 (Q2 2025). Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI). RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari masa ke masa.
2. Pada Q2 2025, RPPI menunjukkan peningkatan sebanyak 1.5% tahun-ke-tahun kepada 96.5 berbanding dengan Q2 2024, dan peningkatan sebanyak 9.9% berbanding dengan Q1 2025.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q2 2024	Dari Q1 2025
Q2 2025	96.5	1.5%	9.9%

3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 146 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatat pada Q2 2025. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 41.7% dalam bilangan transaksi berbanding dengan Q1 2025 dan peningkatan sebanyak 18.7% berbanding dengan satu tahun yang lalu. Pada Q2 2025, sebahagian besar daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau detached (60.3%), diikuti oleh rumah berkembar atau semi-detached (18.5%), rumah teres (12.3%), pangsapuri (8.2%), dan tanah (0.7%).
4. Harga penengah (median) bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian pada Q2 2025 adalah BND254,500. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 15.7% berbanding dengan Q1 2025, dan peningkatan sebanyak 1.8% berbanding dengan Q2 2024. Harga penengah bagi pembelian rumah berasingan adalah BND276,500, BND209,000 bagi rumah berkembar, BND235,000 bagi rumah teres, BND203,000 bagi pangsapuri, dan BND110,000 bagi tanah. Pengiraan RPPI menggunakan harga penengah dan bukan harga purata kerana harga penengah tidak mudah terjejas oleh harga hartanah yang luar biasa dalam suatu tempoh masa.
5. Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian hartanah persendirian pada Q2 2025 terletak di Daerah Brunei dan Muara (121 hartanah), diikuti oleh Daerah Tutong (14 hartanah), dan Daerah Belait (11 hartanah). Tiada pembelian hartanah dicatatkan bagi Daerah Temburong. Lima buah Mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi bagi Q2 2025 adalah Mukim Sengkulong, Mukim Kilanas, Mukim Gadong, Mukim Berakas B, and Mukim Lumapas.

Jumlah Transaksi pada Q2 2025 mengikut Daerah	
Brunei dan Muara	121

Tutong	14
Belait	11
Temburong	0

5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q2 2025	
Sengkurong	34
Kilanas	26
Gadong	19
Berakas B	10
Lumapas	9

6. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antarlainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
7. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcg.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 16 Rabiulakhir 1447H/ 8 October 2025M

Rujukan: BDCB/COMMS/3